

Ruj. MIDA : MIDA.024.400-5/6/7
Tarikh : 9 Ogos 2024

MALYSIAN
INVESTMENT
DEVELOPMENT
AUTHORITY



MIDA SENTRAL
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia
T : +603 2267 3633
F : +603 2267 7970
E : investmalaysia@mida.gov.my
www.mida.gov.my

NOTIS PELAWAAN SEBUTHARGA

NO. SEBUT HARGA : SH MIDA BIL: 11/2024
**PERKARA : SEBUTHARGA PEROLEHAN LANGGANAN TALIAN
INTERNET IBU PEJABAT MIDA UNTUK TEMPOH SATU
(1) TAHUN (1 JANUARI 2025 – 31 DISEMBER 2025)**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada : Pelawaan Sebutharga oleh :

Sesiapa Yang Berkenaan

**Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
(MIDA), Bahagian Pengurusan Korporat
Tingkat 14, MIDA Sentral, No. 5
Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur**

No. Telefon : 03 – 2267 3633

No. Faks : 03 – 2274 7970

Sebutharga adalah dibuka kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** di bawah Kod Bidang:-

210105 ICT – Telecommunication / Networking – Supply product infrastructure, services including maintenance (LAN/WAN/Internet/Wireless/Satellite).

dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa.

1. PERINGATAN

- 1.1 Penyebutharga-penyebutharga dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir dokumen sebutharga sebelum mengemukakan tawaran.
- 1.2 **Pastikan dokumen sebutharga diisi di dalam format seperti yang telah ditetapkan di dalam borang maklumbalas. Sebutharga hendaklah dihantar dalam dua salinan iaitu salinan 'hardcopy' dan 'softcopy'.**
- 1.3 MIDA tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran.
- 1.4 Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan.**

2. JAMINAN ATAS SEBUTHARGA

Pendaftaran penyebutharga-penyebutharga di Kementerian Kewangan adalah merupakan jaminan ke atas sebutharga-sebutharga yang dikemukakan. Sekiranya penyebutharga-penyebutharga menarik balik tawaran sebelum sebutharga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan, tindakan tatatertib akan diambil dan MIDA akan mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya membatalkan pendaftaran tuan sebagai Kontraktor Kerajaan.

3. TEMPOH PROJEK

Tempoh kontrak bagi langganan talian internet ini adalah untuk tempoh satu (1) tahun bermula 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025.

4. DOKUMEN SEBUTHARGA

BAB 1 – Surat Akuan Penyebutharga & Surat Akuan Pembida

BAB 2 – Spesifikasi Teknikal

BAB 3 – Maklumbalas Teknikal Dan Jadual Harga

BAB 4 – Pengalaman Syarikat

BAB 5 – Butir-Butir Penyebutharga & Maklumat Kewangan Syarikat

5. PENYERAHAN SEBUTHARGA

5.1 Dokumen sebutharga hendaklah lengkap, ditandatangani dan diserahkan kembali kepada MIDA tidak lewat jam **12.00 tengah hari pada 22 Ogos 2024 (Khamis)**.

5.2 Tawaran ini hendaklah dikemukakan dalam **satu (1) sampul surat berlakri (*sealed*) beserta dokumen-dokumen yang mesti dikembalikan** iaitu :-

1.	Bab 1	Surat Akuan Penyebutharga Surat Akuan Pembida
2.	Bab 3	Maklumbalas Teknikal Dan Jadual Harga
3.	Bab 4	Pengalaman Syarikat
4.	Bab 5	Butir-Butir Penyebutharga & Maklumat Kewangan Syarikat :- ➤ Penyata Kewangan untuk 3 tahun terakhir ➤ Penyata Bank untuk 3 bulan terakhir
5.		➤ Salinan Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan (MOF) ➤ Salinan Sijil Pematuhan Cukai (<i>Tax Compliance Certificate – TCC</i>)
6.		Salinan 'hardcopy' dan 'softcopy'

- 5.3 Sampul tersebut hendaklah ditanda di bahagian atas sampul surat dengan:-

**SEBUTHARGA PEROLEHAN LANGGANAN TALIAN INTERNET IBU
PEJABAT MIDA UNTUK TEMPOH SATU (1) TAHUN
(1 JANUARI 2025 – 31 DISEMBER 2025)**

**SEBUT HARGA MIDA BIL.: 11/2024
DITUTUP PADA: 15 OGOS 2024 (KHAMIS)
MASA: SEBELUM / PADA 12.00 TENGAHARI**

- 5.4 Senarai semakan Sebut Harga bagi dokumen-dokumen yang disertakan adalah seperti di **Lampiran Semakan**.

Semua sebutharga hendaklah dialamatkan kepada:-

**Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
Tingkat 14, MIDA Sentral, No. 5
Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.**

- 5.5 Sebutharga hendaklah diserahkan di:-

**Bahagian Pengurusan Korporat
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
Tingkat 14, MIDA Sentral, No. 5
Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.**

6. SYARAT – SYARAT AM SEBUT HARGA

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

6.1 HARGA

- (a) **Harga indikatif** bagi sebut harga ini adalah sebanyak **RM300,000.00 termasuk 8% SST.**
- (b) Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- (c) Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.
- (d) Harga yang disebutkan hendaklah harga bersih termasuk kos penghantaran, pemasangan, insurans, diskaun, cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan sebagainya. Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM). Sebut harga ini sah selama **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup sebut harga.

6.2 SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

6.3 BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

6.4 PERSETUJUAN

- (a) MIDA tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (b) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6.5 PEMERIKSAAN

- (a) MIDA sentiasa berhak melantik pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut ; dan
- (b) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

6.6 PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan / perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

6.7 PENOLAKAN

- (a) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (b) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada MIDA segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (c) Fasal kecil (a) dan (b) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak MIDA untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

6.8 PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan MIDA.

6.9 TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

6.10 INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

6.11 LARANGAN

- (a) Pengangkutan bagi barang-barang larangan dan merbahaya adalah tidak dibenarkan sama sekali. Pihak syarikat hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan bagi kemasukan barang-barang ke negara berkenaan dipatuhi.
- (b) Barang-barang kepunyaan orang lain (pihak ketiga) adalah tidak dibenarkan dimuatkan bersama barangan MIDA.

6.12 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- (a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- (b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- (c) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau Penyebutharga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan
- (d) Mana-mana kontraktor atau Penyebutharga yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan

awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

6.13 PENAMATAN

MIDA atau melalui wakilnya berhak membatalkan perkhidmatan sekiranya syarikat berada dalam salah satu daripada keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada MIDA atau melalui wakilnya.

- (a) Sekiranya syarikat masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan seperti di dalam sebutharga tuan.
- (b) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian kerja oleh syarikat, tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
- (c) Tidak mematuhi arahan MIDA atau wakilnya tanpa apa-apa alasan yang munasabah.
- (d) Apabila syarikat diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

6.14 PENAMATAN ATAS SEBAB RASUAH ATAU AKTIVITI-AKTIVITI YANG MENYALAHU UNDANG-UNDANG

- (a) Tanpa prejudis ke atas mana-mana hak MIDA, sekiranya SYARIKAT, personel, kakitangan atau pekerjanya telah disabitkan bersalah di Mahkamah untuk rasuah atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang berhubung dengan Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain antara MIDA dan SYARIKAT tersebut, sekiranya ada, MIDA berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis serta-merta kepada SYARIKAT bagi maksud itu.
- (b) Akibat daripada penamatan tersebut, MIDA berhak menuntut segala kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh MIDA.
- (c) Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, kedua-dua pihak dengan ini bersetuju bahawa pihak SYARIKAT tidak mempunyai sebarang hak untuk membuat tuntutan ganti rugi termasuk kekurangan keuntungan, kerugian, atau apa-apa tuntutan lain akibat daripada penamatan Perjanjian ini.

7. PENERIMAAN SEBUTHARGA

- 7.1 MIDA akan memberi notis bertulis kepada penyebutharga yang berjaya apabila sebutarganya disetujuterima.
- 7.2 Notis itu tidaklah boleh disifatkan sebagai disetujuterima sehingga pengesahan bertulis daripada penyebutharga menyatakan bahawa semua syarat-syarat sebutharga atau yang diubahsuai adalah diterima.

8. BANTAHAN SPESIFIKASI

Penyebutharga yang merasa tidak berpuashati dengan spesifikasi yang disediakan, mereka berhak untuk membuat bantahan kepada MIDA dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh dokumen sebutharga mula dijual. Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

9. MAKLUMAT TAMBAHAN


Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, syarikat diminta berhubung dengan **En. Syahminudin Md. Shaarani, Bahagian Pengurusan Korporat** di talian **03-2263 2471** atau emel : syahminudin@mida.gov.my.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(Normi Alias)

Pengarah

Bahagian Pengurusan Korporat

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

BAB 1

SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA
TINGKAT 14, MIDA SENTRAL, NO. 5
JALAN STESEN SENTRAL 5
KUALA LUMPUR SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR.**

SEBUTHARGA MIDA BIL. 11/2024

**SEBUTHARGA PEROLEHAN LANGGANAN TALIAN INTERNET IBU PEJABAT
MIDA UNTUK TEMPOH SATU (1) TAHUN
(1 JANUARI 2025 – 31 DISEMBER 2025)**

Kepada:

Penyebutharga-penyebutharga,

SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA

Kepada:

**Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MIDA Sentral, No. 5
Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.**

Tuan,

SEBUTHARGA MIDA BIL: 11/2024

**SEBUTHARGA PEROLEHAN LANGGANAN TALIAN INTERNET IBU PEJABAT
MIDA UNTUK TEMPOH SATU (1) TAHUN (1 JANUARI 2025 – 31 DISEMBER
2025)**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebutharga, saya yang menurunkan tandatangan di bawah ini adalah dengan ini mengambil bahagian sebutharga dan menawarkan untuk melaksanakan perkhidmatan di atas mengikut penentuan spesifikasi yang ditetapkan di dalam Dokumen Sebutharga.

2. Saya yang menurunkan tandatangan di bawah ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan semua Syarat-syarat Kontrak dan Spesifikasi Sebutharga ini dan bersetuju di atas harga yang ditawarkan RM..... sebagai asas perkiraan bagi pembayaran perkhidmatan yang telah dipesan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

3. Dengan ini juga telah difahami bahawa MIDA berhak menerima atau menolak sebarang sebutharga ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan sebutharga-sebutharga yang lain. Saya juga bersetuju untuk menerima kesemua atau sebahagian dari item-item yang ditawarkan dan sedia mengikut kehendak dan pertimbangan MIDA. Saya juga bersetuju bahawa harga sebutharga yang saya beri ini akan sah laku (*valid*) dan tidak ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebutharga dan tiada apa-apa syarat dikenakan selepas tarikh ditetapkan.

4. Selanjutnya saya bersetuju sekiranya sebutharga saya diterima, saya akan mengikat perjanjian kontrak serta memberi bon pelaksanaan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh terima surat tawaran dari MIDA, sekiranya diarahkan.

5. Saya juga mengesahkan, setelah menyemak sendiri iaitu semua dokumen yang digunakan untuk sebutharga ini adalah yang sebenar yang terdapat di dalam Dokumen Sebutharga.

Nama
Penyebutharga : _____
(Tandatangan
Penyebutharga)

Alamat dan Cop
Rasmi Syarikat : _____

Tarikh : _____

Nama Saksi : _____
(Tandatangan Saksi)

Alamat : _____

SURAT AKUAN PEMBIDA
SEBUTHARGA PEROLEHAN LANGGANAN TALIAN INTERNET IBU PEJABAT
MIDA UNTUK TEMPOH SATU (1) TAHUN
(1 JANUARI 2025 – 31 DISEMBER 2025)
(SEBUTHARGA MIDA NO. 11/2024)

Saya, No. Kad Pengenalan
yang mewakili nombor Pendaftaran
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili
syarikat ini:-

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam MIDA atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa:

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25(2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :
Nama :
No. KP :
Tarikh :
Cap Syarikat :

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

BAB 2
SPESIFIKASI TEKNIKAL

1. TUJUAN

Menyediakan langganan perkhidmatan talian internet bagi Ibu Pejabat MIDA melibatkan skop kerja seperti berikut :

- i. Langganan dan pemasangan talian internet
- ii. Penyelenggaraan dan sokongan teknikal
- iii.

2. PERKHIDMATAN TALIAN SEDIA ADA

1.	Pembekal	TM Berhad
2.	Kapasiti	500 Mbps
3.	Jenis Talian	- Single Mode - Fiber 500 Mbps
4.	<i>Service Level Agreement (SLA)</i>	99.7%
5.	Perkhidmatan tambahan	- <i>Bandwidth Management (Managed Bandwidth Management Service – MBMS)</i> - Perkhidmatan <i>bandwidth on demand</i> sebanyak 2 kali setahun
6.	Penyelenggaraan dan sokongan teknikal	- 24x7x365 (<i>support helpdesk</i>) - Penyelenggaraan router secara berkala

3. SKOP KERJA

3.1 Skop kerja mestilah terdiri daripada, tetapi tidak terhad kepada skop yang dinyatakan seperti di bawah:

i. **Langganan Talian**

Syarikat hendaklah menyediakan perkhidmatan talian Internet bagi Ibu Pejabat MIDA dan menyatakan ciri-ciri terperinci talian yang ditawarkan.

ii. **Pemasangan**

Syarikat hendaklah menyediakan dan menanggung kos perkhidmatan pemasangan talian internet secara keseluruhan tanpa melibatkan sebarang kos tambahan kepada MIDA termasuk pendawaian dari bilik *Main Distribution Frame* (MDF) (tingkat 5) ke *Data Center* MIDA (tingkat 11).

iii. **Pengujian**

Syarikat hendaklah membuat pengujian secara keseluruhan ke atas talian internet yang disediakan meliputi item-item berikut :

- Menguji kelajuan talian internet yang dilanggan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- Menguji talian internet yang dipasang beroperasi pada tahap optimum.

iv. **Penyelenggaraan Dan Sokongan Teknikal**

- Syarikat hendaklah menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan dan sokongan teknikal kepada MIDA untuk tempoh 24x7x365
- Semakan dan pengujian semula peralatan perlu dilakukan selepas setiap operasi penyelenggaraan dilaksanakan.
- Syarikat juga perlu menyediakan perkhidmatan sokongan teknikal secara *on-site* sekiranya diperlukan

v. **Contingency Plan**

Menyediakan *contingency plan* sebagai penyelesaian interim jika talian baru yang dilaksanakan tidak dapat beroperasi pada 1 Januari 2025.

vi. **Pendawaian Dalaman**

Menyediakan khidmat kejuruteraan bagi pendawaian dalaman untuk keperluan talian di Ibu Pejabat MIDA. Syarikat perlu membiayai keseluruhan kos pendawaian dalaman termasuk kos sewaan dan penyelenggaraan pendawaian (jika ada) kepada pihak pengurusan bangunan.

vii. **Keperluan Capaian**

- Memastikan pengguna boleh membuat capaian internet selepas proses migrasi samada capaian melalui *wired* dan *wireless*
- Melaksanakan integrasi talian internet dengan talian *Software Defined Wide Area Network (SDWAN)* – *sekiranya diperlukan*
- Memastikan peralatan rangkaian sedia ada dapat menampung keperluan naik taraf kelajuan/kapasiti internet yang ditawarkan oleh pihak syarikat. Pihak syarikat hendaklah menanggung sebarang kos terlibat bagi naiktaraf peralatan sedia ada.

viii. **Tempoh Kontrak Langganan Talian Internet**

Membekal talian internet untuk tempoh satu (1) tahun (1 Jan 2025 – 31 Dis 2025).

ix. **Kelajuan Talian Internet di Ibu Pejabat MIDA**

Sekurang-kurangnya satu (1) talian internet dengan kelajuan minimum **2000 Mbps (upload / download)**.

- Menyediakan talian internet dengan SLA minimum 99.7%.
- Menyediakan sekurang-kurangnya 62 Public IP (x.x.x.x/26 addresses)
- Menyediakan kemudahan *bandwidth management* untuk keperluan pengurusan dan pemantauan talian oleh pihak MIDA.

x. **Keupayaan Peralatan**

Peralatan yang disediakan hendaklah peralatan yang mampu menampung kapasiti talian dan tersedia untuk dinaik taraf kepada keupayaan teknologi masa hadapan. Syarikat hendaklah menetapkan pemilikan peralatan sama ada sewaan atau hak milik MIDA.

xi. **Khidmat Sokongan**

- Menyediakan kakitangan yang berpengalaman ke tapak lokasi sekiranya perkhidmatan talian internet mengalami gangguan - *sekiranya perlu*.
- Nyatakan rujukan (*contact reference*) yang boleh dibuat oleh MIDA sekiranya berlaku sebarang kerosakan / gangguan perkhidmatan internet. (*sila kemukakan carta alir bagi sokongan teknikal yang ditawarkan*)
- Sila nyatakan tempoh masa tindak balas bagi aduan yang dilaporkan

Severity 1 (Emergency)

1. *Response Time within **15 minutes** upon reported complaint/log*

2. *Onsite Response Time: **2 working hours** after Response Time*

3. *Workaround Time: **2 working hours** after Onsite Response Time*

- Menyediakan saluran bantuan secara 24x7x365 melalui pelbagai saluran aduan seperti telefon ,email dan secara online.
- Memastikan setiap aduan yang telah diterima dan direkodkan boleh disemak semula melalui no tiket, no aduan dan sebagainya.

xii. **Penyelenggaraan Dalam Tempoh Kontrak**

- Pihak syarikat hendaklah menanggung segala kos yang terlibat dalam penyelenggaraan talian internet meliputi skop berikut :
 - Baik pulih talian yang terganggu
 - Peralatan/penggantian rosak. Penggantian alat ganti hendaklah peralatan baharu dan asli (*genuine new and unused*).
- Menjalankan operasi *housekeeping* dan *labelling* bagi peralatan yang dibekalkan.
- Menyediakan laporan prestasi talian secara bulanan, mengikut insiden dan permintaan.
- Memastikan semua aktiviti pelaksanaan di bawah perkhidmatan hendaklah dimaklumkan kepada MIDA terlebih dahulu untuk pengesahan dan persetujuan sebelum aktiviti dilaksanakan.

xiii. **Pelan Pengurusan Projek**

Syarikat perlu menyediakan pelan komprehensif bagi pelaksanaan projek termasuk :

- *Detailed Project Timeline*
- *Project Management Plan (PMP)*

xiv. **Dokumen Kontrak Perjanjian**

Syarikat yang berjaya hendaklah menyediakan dokumen Kontrak Perjanjian dengan MIDA. Segala kos pembiayaan bagi penyediaan Dokumen Kontrak tersebut hendaklah dibiayai sepenuhnya oleh pihak syarikat.

xv. **Kelewatan Penyelenggaraan**

Syarikat perlu menyediakan talian alternatif dalam sebarang insiden *downtime*, sekiranya pihak syarikat gagal mematuhi *Service*

Level Agreement (SLA) yang telah di tetapkan, MIDA berhak mengenakan penalti terhadap kelewatan penggantian / penyelenggaraan talian internet sekiranya tidak mematuhi tempoh masa 'downtime' yang telah ditetapkan.

xvi. **Tambah Nilai**

Syarikat adalah dialu-alukan untuk menawarkan perkhidmatan tambah nilai yang sesuai dalam memantapkan perkhidmatan dan prestasi talian internet di Ibu Pejabat MIDA

4. TEMPOH

Syarikat hendaklah melaksanakan perkhidmatan untuk tempoh satu (1) tahun bermula 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025.

BAB 3

BORANG MAKLUMBALAS TEKNIKAL DAN JADUAL HARGA

JADUAL MAKLUMBALAS TEKNIKAL

No.	Item	Spesifikasi Minimum	Pematuhan (Ya/Tidak)	Butiran (sila perincikan maklumat berkaitan)
SKOP PERKHIDMATAN				
Skop Kerja				
1.	Langganan Talian	Syarikat hendaklah menyediakan perkhidmatan talian Internet bagi Ibu Pejabat MIDA dan menyatakan ciri-ciri terperinci talian yang ditawarkan.		Produk yang ditawarkan : _____ Telco : _____
2.	Pemasangan	Syarikat hendaklah menyediakan dan menanggung kos perkhidmatan pemasangan talian internet secara keseluruhan tanpa melibatkan sebarang kos tambahan kepada MIDA termasuk pendawaian dari bilik <i>Main Distribution Frame</i> (MDF) (tingkat 5) ke <i>Data Center MIDA</i> (tingkat 11)		

3.	<p style="text-align: center;">Pengujian</p>	<p>Syarikat hendaklah membuat pengujian secara keseluruhan ke atas talian internet yang disediakan meliputi item-item berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Menguji kelajuan talian internet yang dilanggan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan. ii. Menguji talian internet yang dipasang beroperasi pada tahap optimum. 		
4.	<p style="text-align: center;">Penyelenggaraan Dan Sokongan Teknikal</p>	<ol style="list-style-type: none"> i. Syarikat hendaklah menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan dan sokongan teknikal kepada MIDA untuk tempoh 24x7x365. ii. Syarikat juga perlu menyediakan perkhidmatan sokongan teknikal secara <i>on-site</i> sekiranya diperlukan. iii. Semakan dan pengujian semula peralatan perlu dilakukan selepas setiap operasi penyelenggaraan dilaksanakan. 		
5.	<p style="text-align: center;">Contingency Plan</p>	<p>Menyediakan <i>contingency plan</i> sebagai penyelesaian interim jika talian baru yang dilaksanakan tidak dapat beroperasi pada 1 Januari 2025.</p>		<p><i>Cadangan kaedah penyelesaian yang ditawarkan.</i></p>

6.	<p>Pendawaian Dalam</p>	<p>Menyediakan khidmat kejuruteraan bagi pendawaian dalam untuk keperluan talian di Ibu Pejabat MIDA. Syarikat perlu membiayai keseluruhan kos pendawaian dalam termasuk kos sewaan dan penyelenggaraan pendawaian (jika ada) kepada pihak pengurusan bangunan.</p>		<p>Sila kemukakan butiran kos pelaksanaan di dalam jadual harga.</p>
7.	<p>Keperluan Capaian</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Memastikan pengguna boleh membuat capaian internet selepas proses migrasi samada capaian melalui <i>wired</i> dan <i>wireless</i>. ii. Melaksanakan integrasi talian internet dengan talian <i>Software Defined Wide Area Network (SDWAN)</i> – <i>sekitarnya diperlukan</i>. iii. Memastikan peralatan rangkaian sedia ada dapat menampung keperluan naik taraf kelajuan/kapasiti internet yang ditawarkan oleh pihak syarikat. Pihak syarikat hendaklah menanggung sebarang kos terlibat bagi naiktaraf peralatan sedia ada. 		
Spesifikasi Teknikal				
1.	<p>Tempoh Kontrak Langganan Talian Internet</p>	<p>Membekal talian internet untuk tempoh satu (1) tahun (1 Jan 2025 – 31 Dis 2025).</p>		

2.	<p>Kelajuan Talian Internet di Ibu Pejabat MIDA</p>	<p>Sekurang-kurangnya satu (1) talian internet dengan kelajuan minimum 2000 Mbps (upload / download).</p> <p>i. Menyediakan talian internet dengan SLA minimum 99.7%.</p> <p>ii. Menyediakan sekurang-kurangnya 62 Public IP (x.x.x.x/26 addresses)</p> <p>iii. Menyediakan kemudahan <i>bandwidth management</i> untuk keperluan pengurusan dan pemantauan talian oleh pihak MIDA.</p>	<p>Mode : Single / Dual</p> <p>Kapasiti Talian : _____</p> <p>Bandwidth management solution : _____</p>
3.	<p>Keupayaan Peralatan</p>	<p>Peralatan yang disediakan hendaklah peralatan yang mampu menampung kapasiti talian dan tersedia untuk dinaik taraf kepada keupayaan teknologi masa hadapan. Syarikat hendaklah menetapkan pemilihan peralatan sama ada sewaan atau hak milik MIDA.</p>	<p>Nyatakan model dan ciri-ciri perlatan yang dibekalkan.</p> <p>Model : _____</p> <p>Ciri-ciri : _____</p>
4.	<p>Khidmat Sokongan</p>	<p>i. Menyediakan kakitangan yang berpengalaman ke tapak lokasi sekiranya perkhidmatan talian internet mengalami gangguan - <i>sekiranya perlu</i></p> <p>ii. Nyatakan rujukan (<i>contact reference</i>) yang boleh dibuat oleh MIDA sekiranya berlaku sebarang kerosakan / gangguan perkhidmatan internet. (<i>sila kemukakan carta alir bagi sokongan teknikal yang ditawarkan</i>)</p>	<p>1) Tempoh maklumbalas : _____ jam/minute</p> <p>2) Tempoh masa 'downtime' : _____ jam/minute</p> <p>3) Tempoh masa penyelesaian : _____</p>

		<p>iii. Sila nyatakan tempoh masa tindak balas bagi aduan yang dilaporkan</p> <p><u>Severity 1 (Emergency)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Response Time within 15 minutes upon reported complaint/log</i> 2. <i>Onsite Response Time: 2 working hours after Response Time</i> 3. <i>Workaround Time: 2 working hours after Onsite Response Time</i> <p>iv. Menyediakan saluran bantuan secara 24x7x365 melalui pelbagai saluran aduan seperti telefon ,email dan secara online.</p> <p>v. Memastikan setiap aduan yang telah diterima dan direkodkan boleh disemak semula melalui no tiket, no aduan dan sebagainya.</p>		jam/minit
5.	Penyelenggaraan Dalam Tempoh Kontrak	<p>i. Pihak syarikat hendaklah menanggung segala kos yang terlibat dalam penyelenggaraan talian internet meliputi skop berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Baik pulih talian yang terganggu ➤ Peralatan/penggantian rosak. <p>Penggantian alat ganti hendaklah peralatan baharu dan asli (<i>genuine new and unused</i>).</p> <p>ii. Menjalankan operasi housekeeping dan labeling bagi peralatan yang dibekalkan.</p> <p>iii. Menyediakan laporan prestasi talian secara bulanan, mengikut insiden dan permintaan.</p> <p>iv. Memastikan semua aktiviti pelaksanaan di bawah perkhidmatan hendaklah dimaklumkan kepada MIDA terlebih dahulu untuk pengesahan dan persetujuan sebelum aktiviti dilaksanakan.</p>		

6.	<p>Tempoh Jaminan Peralatan</p>	<p>Menyediakan peralatan yang lengkap dengan model terkini beserta pengurusan lesen dan waranti bagi keperluan operasi dan keselamatan. Semua peralatan yang dibekalkan untuk perkhidmatan langganan talian internet hendaklah mempunyai tempoh jaminan sepanjang tempoh projek.</p>	<p>Tempoh jaminan : ____ tahun</p>
7.	<p>Pelan Pengurusan Projek</p>	<p>Syarikat perlu menyediakan pelan komprehensif bagi pelaksanaan projek termasuk :</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Detailed Project Timeline</i> • <i>Project Management Plan (PMP)</i> 	
8.	<p>Dokumen Kontrak Perjanjian</p>	<p>Syarikat yang berjaya hendaklah menyediakan dokumen Kontrak Perjanjian dengan MIDA. Segala kos pembiayaan bagi penyediaan Dokumen Kontrak tersebut hendaklah dibiayai sepenuhnya oleh pihak syarikat.</p>	
9.	<p>Kelewatan Penyelenggaraan</p>	<p>Syarikat perlu menyediakan talian alternatif dalam sebarang insiden <i>downtime</i>, sekiranya pihak syarikat gagal mematuhi <i>Service Level Agreement (SLA)</i> yang telah di tetapkan, MIDA berhak mengenakan penalti terhadap kelewatan penggantian / penyelenggaraan talian internet sekiranya tidak mematuhi tempoh masa 'downtime' yang telah ditetapkan.</p>	<p>Perincian butiran</p>

Lain – lain perkhidmatan

1.	Tambah Nilai	Syarikat adalah dialu-alukan untuk menawarkan perkhidmatan tambah nilai yang sesuai dalam memantapkan perkhidmatan dan prestasi talian internet di Ibu Pejabat MIDA	Mohon senaraikan perkhidmatan nilai tambah yang ditawarkan.
----	--------------	---	---

BAB 3 (SAMBUNGAN)

BORANG MAKLUMBALAS TEKNIKAL DAN JADUAL HARGA

JADUAL MAKLUMBALAS HARGA

A. Langganan Talian

No.	Nama Produk	Kapasiti talian (Mbps)	SLA (%)	Kos (RM)		
				Langganan Bulanan	SST 8%	Jumlah
		2000 Mbps	99.7%			
A. Kos langganan untuk tempoh 1 Jan 2025 - 31 Dis 2025						

B. Kos Perkhidmatan Pelaksanaan

No.	Skop Pelaksanaan	Kuantiti	Kos (RM)		
			Kos Pelaksanaan	SST 8%	Jumlah
One Time Charge (OTC)					
1.	<i>contoh : kos pelaksanaan (pemasangan, konfigurasi, pengujian dan sebagainya)</i>				

No.	Skop Pelaksanaan	Kuantiti	Kos (RM)		
			Kos Pelaksanaan	SST 8%	Jumlah
Managed Service					
1.	contoh : penyelenggaraan, bandwidth management				
B. Kos pelaksanaan					

C. Lain - lain kos yang terlibat

No.	Skop Pelaksanaan	Kuantiti	Kos (RM)		
			Kos Pelaksanaan	SST 8%	Jumlah
1.	contoh : penambahan modul fiber (naik taraf peralatan rangkaian sedia ada)				
Lain - lain kos terlibat					
Jumlah keseluruhan projek (A+B+C)					

BAB 4

A. PENGALAMAN SYARIKAT

Senarai perkhidmatan yang sama yang pernah dibekalkan dalam tempoh tiga tahun terakhir mengikut kronologi:-

No.	Butiran Kontrak	Nama Pelanggan dan Alamat	Jumlah Kontrak (RM)	Tarikh Siap

B. PROJEK YANG SEDANG DILAKSANAKAN

Senarai perkhidmatan:-

No.	Butiran Kontrak	Nama Pelanggan & Alamat	Jumlah Kontrak (RM)	Tarikh Mula	Tarikh Tamat

BAB 5

BUTIR-BUTIR PENYEBUTHARGA & MAKLUMAT KEWANGAN SYARIKAT

Syarikat perlu mengisi dengan lengkap semua seksyen dalam borang ini. Sekiranya ruang tidak mencukupi, maklumat boleh dikemukakan dalam kertas berasingan.

A. MAKLUMAT AM

1. Nama Syarikat :
2. Alamat :
3. No. Telefon :
4. No. Faks :
5. Emel :
6. Tarikh Pendaftaran / :
Penubuhan
7. No. Daftar Syarikat / :
Perniagaan
8. Tempat Pendaftaran/ :
Penubuhan
9. Komposisi Pemegang :
Saham

No.	Nama Pemegang Saham	Jawatan	% Pegangan

10. Peratusan Penyertaan Bumiputera : _____ (%). (Sila kemukakan maklumat lanjut atau salinan sah pendaftaran sebagai Pembekal Bumiputera dengan Kementerian Kewangan).

11. Maklumat Pendaftaran Kementerian Kewangan

No.	No. Pendaftaran	No. bidang	Butiran / Keterangan	Tempoh Sah

Nota : Sila lampirkan salinan sijil pendaftaran.

12. Struktur Modal Syarikat :

(i) Modal Dibenarkan :

(ii) Modal Berbayar :

B. KEWANGAN

- a. Ringkasan aset dan tanggungan berdasarkan akaun yang diaudit bagi tiga (3) tahun terakhir.

Tahun Kewangan:	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)
- Jumlah Aset			
- Aset Semasa			
- Jumlah Tanggungan			
- Tanggungan Semasa			
- Nilai Bersih			
- Modal Kerja			

Nota : Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tiga (3) tahun berakhir hendaklah disertakan

- b. Bank-bank Utama:

No.	Nama Bank & Alamat	Jenis Akaun
1.		
2.		
3.		

- c. Kemudahan Kredit (Jenis dan jumlah kredit yang boleh disediakan oleh syarikat:)

No.	Jenis Kemudahan Kredit	Bank/Institusi Kewangan	Jumlah (RM)
1.			
2.			
3.			

SENARAI SEMAKAN

**SEBUTHARGA PEROLEHAN LANGGANAN TALIAN INTERNET IBU PEJABAT
MIDA UNTUK TEMPOH SATU (1) TAHUN
(1 JANUARI 2025 – 31 DISEMBER 2025)
SEBUTHARGA MIDA BIL: 11/2024**

Sila tandakan (✓) bagi dokumen-dokumen yang dikemukakan kepada MIDA:

Bil.	Perkara / Dokumen	Semakan oleh Syarikat	Semakan oleh MIDA
1.	Surat Akuan Penyebut Harga (Bab 1)		
2.	Surat Akuan Pembida (Bab 1)		
3.	Maklumat SSM (Salinan sijil disertakan)		
	Berdaftar dengan SSM dan tempoh pendaftaran masih berkuatkuasa		
	i) No. Sijil Pendaftaran (sila nyatakan)		
	ii) Tempoh Sahlaku Sijil Pendaftaran (nyatakan)		
4.	Maklumat pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (MoF) (Salinan Sijil Akuan Pendaftaran dengan MoF disertakan)		
	Syarikat berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) dalam kod bidang berikut (dan tempoh pendaftaran masih berkuatkuasa): 210105 ICT – Telecommunication / Networking – Supply product infrastructure, services including maintenance (LAN/WAN/Internet/Wireless/Satellite).		
	i) No. Sijil Akuan Pendaftaran (nyatakan)		
	ii) Tempoh Sahlaku Sijil Pendaftaran (nyatakan)		
	iii) Salinan Sijil disertakan		
	iv) Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera (jika ada)		
	v) Peratus Penyertaan Bumiputera (nyatakan, jika ada)		

5.	Salinan Sijil Pematuhan Cukai (<i>Tax Compliance Certificate – TCC</i>)		
6.	Maklumbalas Teknikal (Bab 3) (<i>Hardcopy & Softcopy</i>)		
7.	Maklumbalas Jadual Harga (Bab 3) (<i>Hardcopy & Softcopy</i>)		
8.	Pengalaman Syarikat (Bab 4)		
9.	Butir-Butir Penyebutharga & Maklumat Kewangan Syarikat (Bab 5)		
	i) Penyata Kewangan untuk 3 tahun terakhir		
	ii) Penyata Bank untuk 3 bulan terakhir		
10.	Lain-lain - profil syarikat, contoh kerja-kerja yang seumpamanya.		
11.	Surat litup (<i>cover letter</i>) syarikat/penyebutharga		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

PENGESAHAN OLEH MIDA

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada) :-

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :